

PENGETAHUAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP UNDANG-UNDANG BERKAITAN ORANG KURANG UPAYA

Suziyani Mohamed^a, Rosadah Abd Majid^b, Hasnah Toran^c dan Nor Atiqah Satari^d

^{abcd}*National University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.*
E-mail: suziyani@ukm.edu.my

Abstrak: Undang-undang memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan agenda pembangunan sesebuah negara. Malah dalam usaha pihak kerajaan untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua rakyat, pewartaan undang-undang yang berkaitan dilihat sebagai salah satu langkah yang sangat penting dalam menjamin implementasi pendidikan berdasarkan standard yang telah ditetapkan. Bagi pelajar kurang upaya, undang-undang yang dikuatkuasakan dapat melindungi dan memperjuangkan hak mereka untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara kondusif. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar institusi pengajian tinggi terhadap keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada rakan mereka yang kurang upaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data yang dikumpul adalah data kuantitatif. Responden daripada sebuah universiti awam telah dipilih secara rawak bagi menengkapkan soal selidik yang telah dibangunkan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil analisis yang dijalankan mendapati bahawa pelajar institusi pengajian tinggi mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai undang-undang berkaitan golongan kurang upaya.

Kata kunci: undang-undang kurang upaya, IPT, mahasiswa kurang upaya

Abstract: Law plays an important role in ensuring the successful implementation of the country development agenda. In education, law enforcement is crucial in ensuring the implementation of education has been done based on a predetermined standard in order to providing a good quality education to all citizens. For students with disabilities, the law is enforced to protect their rights to make sure they are receiving an effective education regardless their disabilities. The aim of this study was to identify the level of knowledge of higher education students about the privilege provided by law to their friends with disabilities. This study used a survey design and quantitative data will be collected. Respondent for this study were randomly selected to complete the set of questionnaires that have been developed. Data were analysed using descriptive statistics. The results of the analysis found that higher education students have a good knowledge about laws related to people with disabilities.

Key words: disability law, higher education institution, disabilities student

PENDAHULUAN

Pendidikan Khas adalah pendidikan yang disediakan untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Di Malaysia, istilah OKU digunakan untuk merujuk kepada individu yang mempunyai masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah pembelajaran, masalah fizikal, masalah pertuturan atau kombinasi (Peraturan Pendidikan Khas 2013). Pendidikan khas bukan sahaja perlu diketahui dan difahami oleh mereka yang terlibat dengan golongan OKU, tetapi perlu diketahui oleh setiap individu. Perkara ini adalah sangat penting, terutamanya bagi para guru dalam membantu dan mengenal pasti kemudahan dan sokongan yang diperlukan oleh pelajar OKU. Namun, diperingkat pengajian tinggi, isu yang terjadi adalah berbeza berbanding apa yang berlaku di peringkat sekolah. Ini adalah kerana, pelajar OKU telah memasuki tahap baru dalam alam pendidikan dan telah berjaya membuktikan bahawa mereka juga mampu berjaya seperti pelajar tipikal yang lain. Namun tidak ramai pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mengetahui tentang

hak-hak dan akta yang diperuntukkan bagi membela pelajar OKU ini untuk mendapatkan pendidikan tinggi yang sempurna.

Atas kesedaran ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memperakukan akan kepentingan akses kepada pendidikan dalam membantu OKU untuk mencapai hak kesamarataan dan kebebasan asasi.

Kepentingan akses kepada pendidikan bagi golongan OKU juga telah diperakui oleh kerajaan Malaysia. Akta Orang Kurang Upaya (Akta OKU 2008) yang diwartakan pada 2008 menyatakan bahawa golongan kurang upaya tidak boleh dikecualikan dari sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan mereka. Malah, melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, akses kepada pendidikan adalah salah satu dari empat teras utama pelan ini, di mana pendekatan pertama dalam mencapai matlamat pelan ini adalah mencapai kesamarataan peluang pendidikan bagi pelajar-pelajar yang terpinggir termasuklah pelajar-pelajar golongan berkeperluan khas.

PBB melalui Konvensyen Hak-Hak Orang Kurang Upaya menyatakan bahawa kekurangan upaya adalah suatu konsep yang sentiasa berevolusi. Ketidakupayaan tidak lagi hanya dilihat sebagai impak dari kecacatan fizikal atau pun mental. Sebaliknya kekurangan upaya adalah adalah suatu konstruk atau pandangan sosial di mana kekurangan upaya dilihat sebagai hasil daripada halangan-halangan yang berpunca daripada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif mereka secara saksama di dalam masyarakat (Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, 2008). Perspektif ini adalah berpaksikan Model Sosial yang menyatakan bahawa interpretasi kekurangan upaya ini adalah tidak tetap dan boleh diganti dengan interpretasi yang lain (Oliver 1990).

Dewasa ini, bilangan individu kurang upaya yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi semakin meningkat. Kajian yang dijalankan di negara-negara maju menunjukkan berlakunya peningkatan yang positif dalam pengambilan individu kurang upaya untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan di United State, United Kingdom dan Australia mendapati, berlaku peningkatan konsisten sebanyak 2% setahun dalam pengambilan individu kurang upaya di institusi pengajian tinggi di negara berkenaan (Henderson, 2001; Konur 2006). Peningkatan bilangan pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi adalah kesan daripada penggubalan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan pendidikan khas.

Di United State contohnya, peningkatan bilangan pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi dikesan selepas pewartaan undang-undang Education for All Handicapped Children Act pada tahun 1975 (Rothstein 2004). Impak daripada penggubalan undang-undang pendidikan khas untuk pendidikan rendah dan menengah ini, bilangan individu kurang upaya yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar didapati meningkat pada awal tahun 1980an (Rothstein 2004). Kajian yang dijalankan di Rusia pula melaporkan, peningkatan bilangan pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi berlaku setelah Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya di ratifikasi di negara tersebut pada tahun 2012 (Volosnikova dan Efimova 2016).

Kesan daripada pelaksanaan dan ratifikasi undang-undang ini, golongan berkeperluan khas berpeluang untuk mengikuti pembelajaran peringkat prasekolah, rendah dan menengah di sekolah bantuan penuh kerajaan. Dengan wujudnya peluang untuk golongan kurang upaya ini mengikuti persekolahan, maka peluang mereka untuk melanjutkan pelajar ke peringkat tertiar dan seterusnya memperoleh pekerjaan yang baik adalah sangat cerah. Berbeza dengan senario yang berlaku di luar negara, Malaysia masih mencatatkan jumlah enrolmen pelajar kurang upaya yang rendah di peringkat pengajian tinggi. Hasnah dan rakan-rakan (2009), memetik laporan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN 2007) yang

menyatakan bahawa golongan kurang upaya merupakan golongan yang rendah enrolmennya diperingkat pengajian tinggi. Dimana, hanya 4255 orang pelajar kurang upaya (1.1%) yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar berbanding jumlah enrolmen pelajar diseluruh negara, iaitu sebanyak 382,997 orang pelajar.

Impak penggubalan dan pelaksanaan undang-undang pendidikan terhadap individu kurang upaya sememangnya sangat positif. Melalui undang-undang, pelajar kurang upaya menerima pelbagai sokongan dan kemudahan semasa berada di sekolah mahupun pusat pengajian tinggi. Oleh yang demikian, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar institusi pengajian terhadap hak yang golongan kurang upaya seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Kajian ini akan mengkaji tentang tahap pengetahuan pelajar institusi pengajian tinggi terhadap undang-undang berkaitan pendidikan khas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan dan data yang dikumpul adalah data kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Pedro Villarreal III (2002) yang bertajuk Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice. Soal selidik asal yang menggunakan Bahasa Inggeris telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu bagi memastikan responden kajian dapat memahami setiap item dengan baik. Disamping itu, terdapat juga beberapa item yang telah dimurnikan, dikeluarkan dan digantikan. Tujuan utama permurnian, pengeluaran dan penggantian item adalah bagi memastikan item-item yang terdapat dalam soal selidik adalah mengenai undang-undang yang diratifikasi di Malaysia sahaja.

Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan tentang maklumat demografi responden. Terdapat enam item dalam bahagian ini. Item tersebut adalah, jantina, umur, bangsa, agama, fakulti, keluarga OKU dan rakan OKU. Tujuan utama soal selidik demografi adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tahap pengetahuan pelajar IPTA tentang hak pelajar OKU. Manakala, Bahagian B pula mengandungi sebanyak 20 item yang berkaitan dengan undang-undang OKU. Soalan dalam Bahagian B menggunakan jawapan 'ya' dan 'tidak'.

Bagi tujuan pengumpulan data pula, sebuah universiti awam (UA) telah dipilih sebagai lokasi kajian. Manakala bagi prosedur pemilihan sampel pula, kaedah persampelan rawak mudah telah digunakan. Seramai 120 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Responden telah diberikan masa selama seminggu untuk melengkapkan soal selidik yang diedarkan. Selepas

seminggu, borang soal selidik dikumpulkan kembali dan maklum balas yang diberikan oleh responden telah dimasukkan ke dalam perisian IBM SPSS. Data ini kemudiannya di analisis menggunakan analisis statistik deskriptif iaitu dengan menghitung nilai kekerapan dan peratusan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 120 soal selidik telah diedarkan di sebuah universiti awam di Malaysia. Responden telah diberikan masa selama seminggu untuk melengkapkan soal selidik. Kadar pemulangan soal selidik adalah 100%. Menurut Nulty (2008), kadar pemulangan sebanyak 70% ke atas adalah baik. Maklum balas yang diberikan oleh responden telah di masukkan ke dalam perisian IBM SPSS dan di analisis menggunakan analisis statistik deskriptif.

Maklumat Demografi

Seramai 120 responden telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, didapati 53 responden (44%) lelaki dan 67 responden (56%) perempuan. Bagi faktor umur, 59 responden (49%) berumur 20 hingga 21 tahun, 43 responden (36%) berumur 22 hingga 23 tahun, 12 responden (10%) berumur 24 hingga 25 tahun dan 6 responden (5%) berumur 26 tahun ke atas. Analisis deskriptif bagi faktor bangsa menunjukkan 97 responden (81%) adalah berbangsa Melayu, 8 responden (7%) adalah berbangsa Cina, 6 responden (5%) adalah berbangsa India dan 13 responden (11%) lain-lain bangsa. Bagi maklumat mengenai agama yang dianuti oleh responden, didapati 99 responden (83%) adalah beragama Islam, 12 responden (10%) beragama Kristian, 7 responden (6%) beragama Buddha, 6 responden beragama Hindu dan seorang responden lain-lain agama. Selain maklumat mengenai latar belakang pelajar, terdapat juga dua pernyataan yang ditanya dalam bahagian demografi iaitu 'adakah anda mempunyai ahli keluarga yang berkeperluan khas' dan 'adakah anda mempunyai rakan yang berkeperluan khas'. Maklum balas yang diterima daripada kedua-dua pernyataan ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak mempunyai ahli keluarga dan rakan yang berkeperluan khas. Dimana, seramai 99 responden (83%) menjawab tidak untuk pernyataan pertama dan 87 responden (73%) untuk pernyataan kedua.

Pengetahuan terhadap Undang-Undang OKU

Jadual 1 menunjukkan maklum balas yang diterima daripada responden yang telah melengkapkan soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan analisis statistik deskriptif yang dijalankan, didapati majoriti responden memberikan maklum balas yang salah terhadap item nombor 3, 6, 16 dan 17. Bagi item 3, didapati seramai 73 responden (61%) menyatakan bahawa pelajar OKU tidak perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan ke UA sama seperti pelajar tipikal. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden beranggapan bahawa pelajar OKU mempunyai laluan khas untuk

melanjutkan pelajaran ke UA. Perkara ini adalah tidak benar sama sekali kerana pengambilan pelajar ke UA adalah berdasarkan sistem meritokrasi yang telah diperkenalkan bermula tahun 2002. Menurut sistem meritokrasi, pengambilan pelajar ke UA adalah berdasarkan 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Pernyataan item ke-6 adalah mengenai tanggungjawab pihak pentadbiran UA dalam menyediakan kemudahan yang dipohon oleh pelajar OKU walaupun ketiadaan kemudahan yang dipohon tidak memberi kesan kepada pelajar tersebut. Daripada analisis yang dijalankan, didapati seramai 58 responden (48%) bersetuju dengan pernyataan ini. Sebenarnya pihak UA tidak perlu menyediakan kemudahan yang diminta oleh pelajar OKU sekiranya ketiadaan kemudahan tersebut tidak memberi impak kepada kekurang upaya mereka. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Akta OKU 2008 iaitu, pihak penyedia pendidikan hanya perlu menyediakan kemudahan yang 'munasabah' yakni memberi impak kepada pelajar OKU.

Item 16 dan 17 adalah mengenai kemudahan dan hak untuk menyediakan kemudahan serta khidmat sokongan yang diperlukan oleh pelajar OKU. Seramai 63 responden (53%) menyatakan, adalah tidak menjadi kesalahan dari aspek perundangan sekiranya pihak UA tidak menyediakan kemudahan yang bersesuaian untuk pelajar OKU. Bagi item 17 pula, seramai 63 responden (53%) menyatakan bahawa pensyarah berhak untuk menentukan samada mereka perlu menyediakan kemudahan tambahan sewaktu kuliah atau sebaliknya. Dalam Akta OKU 2008, jelas dinyatakan bahawa penyedia perkhidmatan pendidikan perlu menyediakan prasarana, kelengkapan pengajaran, bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang dapat memenuhi keperluan pelajar OKU. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kesalahan dari aspek perundangan sekiranya akta ini tidak dipatuhi.

Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan lebih 40% responden memberikan maklum balas yang salah terhadap item nombor 1, 9, 11 dan 19. Bagi item pertama, didapati seramai 51 responden (43%) masih tidak mengetahui tentang hak OKU untuk menerima pendidikan sama seperti warganegara tipikal yang lain. Walhal perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta OKU 2008, iaitu golongan OKU sama sekali tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah, dan tinggi. Bagi item ke-9, didapati seramai 54 responden (45%) berpendapat bahawa format peperiksaan tidak perlu diubahsuai bagi memenuhi keperluan pelajar OKU. Sebenarnya, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Peperiksaan Bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) yang membenarkan pengubahsuaian format peperiksaan dilakukan agar ianya bersesuaian dengan keperluan pelajar OKU itu sendiri.

Bagi item 11, seramai 59 responden (49%) menyatakan bahawa pihak UA tidak mempunyai hak untuk menolak permohonan kemudahan yang dibuat

oleh pelajar OKU walaupun ketiadaan kemudahan tersebut tidak memberikan impak kepada kekurang upaya yang dialami oleh mereka. Berdasarkan Akta OKU 2008, telah jelas dinyatakan bahawa pihak penyedia perkhidmatan pendidikan hanya perlu menyediakan kemudahan yang memberi impak kepada pelajar OKU sahaja. Analisis item ke-19 menunjukkan seramai 50 responden (42%) menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pelajar OKU untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka sendiri. Sebenarnya, adalah menjadi tanggungjawab pihak penyedia perkhidmatan pendidikan untuk menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar OKU selaras dengan peruntukkan perundangan negara.

Berdasarkan analisis statistik yang dijalankan didapati lebih 30% responden memberikan maklum balas yang salah terhadap item nombor 2, 8, 10, 12, 13, 15, 18, 20. Bagi pernyataan mengenai definisi OKU, seramai 78 responden (65%) telah memberikan jawapan yang betul. Ini menunjukkan bahawa responden memahami mengenai kepelbagaian kekurang upaya yang wujud dalam kalangan pelajar OKU. Bagi item ke-8 pula, seramai 70 responden (58%) sedia maklum bahawa pelajar OKU berhak mendapat masa tambahan sewaktu peperiksaan. Hal ini adalah selaras dengan peraturan yang terkandung dalam Panduan Pengurusan Peperiksaan Bagi Calon Berkeperluan Khas. Item yang seterusnya adalah mengenai penyediaan kemudahan oleh pihak pentadbiran UA walaupun mereka berhadapan dengan implikasi kewangan. Seramai 78 responden (65%) telah bersetuju dengan pernyataan ini. Sememangnya pihak UA perlu menyediakan kemudahan yang dimohon oleh pelajar berkeperluan khas walaupun ianya akan mengakibatkan masalah kewangan kerana ianya merupakan satu tanggungjawab yang telah termaktub di dalam undang-undang.

Bagi item 12, didapati seramai 71 responden (59%) menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pensyarah untuk menyediakan nota kuliah dalam format yang sesuai untuk pelajar OKU. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukkan Akta OKU 2008 yang menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pihak penyedia perkhidmatan dalam menyediakan kemudahan pengajaran yang bersesuaian. Item yang ke-13, 15 dan

18 adalah berkenaan dengan pengubahsuaian format peperiksaan tradisional kepada "oral test", penyediaan tempat peperiksaan yang sesuai dan kemudahan yang perlu disediakan sewaktu pelajar OKU sedang menduduki peperiksaan. Analisis bagi ketiga-tiga pernyataan ini menunjukkan seramai 76 responden (64%) dan masing-masing 75 responden (63%) bersetuju dengan pernyataan ini yang selaras dengan dengan panduan pengurusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Item yang ke-20 adalah berkenaan pengubahsuaian kaedah penyampaian kuliah bagi memastikan ianya bermanfaat kepada semua pelajar yang mengikutinya samada OKU mahupun tipikal. Seramai 75% responden (63%) menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pensyarah dalam memastikan kaedah penyampaian kuliah mereka bermanfaat kepada semua pelajar.

Bagi item 4, didapati seramai 78 responden (65%) berpendirian adalah menjadi tanggungjawab dan tugas pihak pentadbir UA dalam menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU walaupun tiada permohonan berkaitan kemudahan tersebut dibuat. Ini kerana, sebaik sahaja pihak UA membuat keputusan untuk menerima pelajar OKU sebagai sebahagian daripada warga pelajar mereka juga telah sedia maklum tentang tanggungjawab mereka dalam menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh pelajar berkenaan. Bagi item ke-5, seramai 75 responden (63%) berpendapat adalah perlu untuk pihak pentadbir UA dan pensyarah membuat pengubahsuaian terhadap semua aktiviti yang dijalankan bagi menggalakkan penyertaan penuh dan setara pelajar OKU. Hal ini selaras dengan peruntukkan dalam Akta OKU 2008 yang menyatakan bahawa penyedia pendidikan perlu mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan pelajar OKU mempelajari kemahiran hidup dan pembangunan sosial bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara mereka dalam pendidikan. Bagi item ke-14 pula, didapati seramai 87 responden (73%) menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pensyarah untuk menyediakan bahan rujukan yang bersesuaian. Perkara ini bertepatan dengan peruntukkan Akta OKU 2008.

Jadual 1 Pengetahuan pelajar UA terhadap undang-undang berkaitan OKU

Pernyataan		Ya <i>n (f)</i>	Tidak <i>n (f)</i>
1	Hak terhadap pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi	73 (61%)	51 (43%)
2	Definisi Orang Kurang Upaya (OKU)	78 (65%)	38 (32%)
3	Syarat kemasukan ke IPTA untuk OKU	59 (49%)	73 (61%)
4	Penyediaan kemudahan bersesuaian oleh IPTA walaupun tiada permohonan dibuat	78 (65%)	29 (24%)
5	Pengubahsuaian bagi menggalakkan penyertaan pelajar OKU dalam setiap aktiviti	75 (63%)	21 (18%)
6	Menyediakan semua kemudahan yang dipohon	58 (48%)	50 (42%)
7	Menukar lokasi kelas bagi tujuan akses	81 (68%)	27 (23%)
8	Masa tambahan sewaktu peperiksaan	70 (58%)	44 (37%)
9	Pengubahsuaian format peperiksaan	68 (57%)	54 (45%)
10	Menyediakan kemudahan walaupun ianya akan mendatangkan masalah kewangan	78 (65%)	41 (34%)
11	Menolak permohonan sekiranya ketiadaan kemudahan tidak memberikan impak	72 (60%)	59 (49%)

Pernyataan		Ya n (f)	Tidak n (f)
12	Menyediakan nota dalam format yang sesuai	71 (59%)	42 (35%)
13	Mengubah format peperiksaan kepada "oral test".	76 (63%)	44 (37%)
14	Bahan rujukan yang sesuai	87 (73%)	33 (28%)
15	Tempat peperiksaan yang sesuai	75 (63%)	45 (38%)
16	Menyalahi undang-undang sekiranya kemudahan tidak disediakan	69 (58%)	63 (53%)
17	Hak pensyarah untuk menyediakan kemudahan atau tidak	63 (53%)	57 (48%)
18	Menyediakan kemudahan sewaktu peperiksaan	75 (63%)	47 (39%)
19	Pelajar OKU perlu menyediakan kemudahan yang diperlukan sendiri	72 (60%)	50 (42%)
20	Pengubahsuaian kaedah penyampaian kuliah	75 (63%)	39 (33%)

Cadangan dan Implikasi

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai hak-hak pelajar OKU seperti mana yang termaktub dalam perundangan negara. Oleh yang demikian, adalah penting agar kempen kesedaran mengenai perkara ini dapat diadakan secara berkala oleh pihak pentadbiran IPT. Melalui penganjuran kempen kesedaran ini, pelajar tipikal dapat didedahkan mengenai hak-hak yang sememangnya telah diperuntukkan oleh undang-undang kepada pelajar OKU selama mereka bergelar mahasiswa. Dengan adanya tahap pengetahuan yang baik tentang perkara ini, suasana yang harmoni dapat diwujudkan antara pelajar tipikal dan pelajar OKU sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Ini kerana, apabila pelajar tipikal telah sedia maklum mengenai hak-hak pelajar OKU, maka tidak akan timbul isu 'pandangan serong' terhadap pelajar OKU, mahupun wujudnya stigma bahawa kehadiran pelajar OKU di bilik kuliah hanya mengganggu proses pembelajaran seperti mana yang dilaporkan oleh Hasnah dan rakan-rakan dalam kajiannya (2009). Dengan adanya sikap memahami, pastinya proses pembelajaran dapat dijalankan secara kondusif dan bermanfaat kepada kedua-dua golongan pelajar.

Bagi kajian lanjutan, adalah dicadangkan agar kajian ini dapat dijalankan dalam kalangan pensyarah dan pentadbir di IPT. Perkara ini adalah penting kerana mereka adalah golongan yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan, prasarana dan melakukan pengubahsuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar OKU. Dengan adanya tahap pengetahuan yang baik mengenai peruntukkan undang-undang untuk pelajar OKU sudah tentunya lebih banyak kemudahan mahupun pengubahsuaian yang berkaitan dapat dijalankan. Selain itu, kajian yang sama juga boleh dijalankan dalam kalangan pelajar OKU itu sendiri. Daripada dapatan kajian ini kita dapat melihat samada pelajar OKU itu sendiri peka dan tahu atau tidak mengenai peruntukkan undang-undang yang disediakan khas untuk membantu mereka.

KESIMPULAN

Pengubalan dan pewartaan undang-undang berkaitan pendidikan khas memainkan peranan yang sangat penting terutamanya dalam membantu meningkatkan bilangan individu kurang upaya di

institusi pengajian tinggi. Melalui pengubalan undang-undang, pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan peringkat tertiar perlu mematuhi undang-undang yang diwartakan semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta dalam penyediaan kemudahan yang bersesuaian. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan hak mahasiswa kurang upaya akan memberikan kesan yang positif terhadap enrolmen golongan ini di pusat pengajian tinggi. Sama seperti senario yang berlaku dalam pendidikan rendah dan menengah negara. Selain itu, adalah penting untuk meningkatkan tahap pengetahuan mahasiswa dan pensyarah institusi pengajian tinggi mengenai keistimewaan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang untuk semua mahasiswa kurang upaya yang berada di pusat pengajian tinggi. Perkara ini adalah penting, bagi memastikan hak-hak mahasiswa kurang upaya dilindungi. Bagi pensyarah, mereka tentunya akan lebih peka tentang hak mahasiswa yang perlu diberikan dan disediakan samada semasa berada di dewan kuliah mahupun dewan peperiksaan. Bagi mahasiswa tipikal pula, pengetahuan tentang undang-undang ini membolehkan mereka daripada berfikir bahawa wujudnya sikap pilih kasih atau kasihan terhadap mahasiswa kurang upaya. Sebaliknya, ia sememangnya hak mahasiswa kurang upaya seperti mana yang termaktub dalam peruntukkan undang-undang negara.

RUJUKAN

- Akta Pendidikan Kebangsaan (1996). Undang-Undang Malaysia.
- Akta Orang Kurang Upaya (2008). Undang-Undang Malaysia. Akta 685.
- Henderson, C. (2001) College freshmen with disabilities: statistical year 2000. Washington, DC, American Council on Education.
- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Undang-Undang Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2):18-29.
- Konur, O. 2006. Teaching Disabled Students in Higher Education. *Teaching in Higher Education*, 11(3):351-363.

- Nulty, D. D. 2008. The adequacy of response rates to online and paper surveys: what can be done? *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 33(3) : 301-304.
- Oliver, M. 1990. *The Politics of Disablement*. UK: Macmillan.
- Rothstein, L. 2004. *Disability Law and Higher Education: A Road Map for Where We've Been and Where We May Be Heading*. Tesis Sarjana.
- The Right to Education for Children with Learning Disabilities: Focusing on Primary Education (2002). A Report by the Rights Commission of Malaysia. Human Rights Commission of Malaysia.
- Villarreal, P. (2002). Faculty Knowledge of Disability Law: Implications for Higher Education Practice. Laporan Penyelidikan.
- Volosnikova, L.M. dan Efimova, G.Z. 2016. Faculty Attitudes: Towards Students with Disabilities in Russian Universities: A Glance at Western Siberia. *The European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*.